

Caj baru perkhidmatan PTPTN satu peratus

S.H 14/08/08 M/S 8

■ ARTHUR AMBROSE

PUTRAJAYA – Kerajaan telah bersetuju untuk menurunkan caj perkhidmatan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada satu peratus berkuatkuasa 1 Jun tahun ini.

Menteri Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, keputusan itu membabitkan semua bakal peminjam yang akan memohon pinjaman baru PTPTN, peminjam sedia ada dan peminjam yang telah tamat belajar tetapi belum menyelesaikan pinjaman.

“Bagi pelajar-pelajar baru yang memohon pinjaman sebelum sistem baru ini dilaksanakan, permohonan mereka akan diproses dan diluluskan mengikut kaedah sedia ada dan pelarasan akan dilakukan kemudian selepas

sistem baru siap dibangunkan menjelang Disember ini,” katanya pada sidang media mengenai kadar baru caj PTPTN, di sini, semalam.

Caj perkhidmatan PTPTN yang dikenakan sebelum ini ialah tiga peratus bagi peringkat siswazah (Diploma dan Ijazah Sarjana Muda) manakala lima peratus bagi pasca siswazah (Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah).

Jelas Mohamed Khaled, bagi peminjam sedia ada dan peminjam yang telah tamat pengajian, jumlah hutang mereka sebelum 1 Jun akan didarabkan dengan satu peratus setahun atas baki tempoh bayar balik.

“Maknanya sebelum 1 Jun, peminjam masih dikenakan kadar caj yang lama dan jumlah hutang selepas tarikh itu, barulah akan dikenakan caj perkhidmatan satu peratus,” jelasnya.



MOHAMED KHALED NORDIN

Katanya, dokumen surat tawaran perjanjian baru mengenai perkara itu akan diedarkan kepada semua peminjam sedia ada dan kepada peminjam yang akan tamat tempoh pengajian 2009 pada Januari tahun depan dan diberi tempoh sebulan daripada tarikh surat tawaran untuk melengkapkan dokumen perjanjian baru itu.

“Ini perlu kerana ia me-

libatkan perjanjian, peminjam tidak boleh anggap apabila kita umum (kadar caj baru) automatik caj ini berubah, ini tidak akan berlaku kerana ia mesti ada perjanjian yang ditandatangani oleh peminjam.

“Peminjam kena jawab sama ada menerima perjanjian baru ini atau tidak, kalau tidak peminjam masih lagi dikenakan caj yang lama,” ujar Mohamed Khaled.

Selaras dengan keputusan itu, KPT juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menumpukan pembiayaan pendidikan di peringkat sarjana, doktor falsafah dan profesional dalam bidang-bidang strategik sahaja.

Setakat ini, Jumlah peminjam PTPTN bagi peringkat siswazah seramai 1.04 juta manakala peminjam bagi pasca siswazah seramai 2,473 orang.